

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' DR. HASAN BIN BAHROM
KAWASAN : TAMPIN
TARIKH : 02 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN NO. 22

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bilakah jalan pintas antara Felda Bukit Jalor ke Pekan Gemas serta jalan pintas di Pekan Gemas hendak dilaksanakan. Kerana jalan tersebut amat penting kepada kelestarian kehidupan masyarakat setempat dan jalan raya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek jalan pintas Pekan Gemas telah dihantar oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan pada Rancangan Malaysia akan datang. Walau bagaimanapun, cadangan projek tersebut menunjukkan keutamaan yang rendah berdasarkan senarai keutamaan projek yang dihantar oleh Kerajaan Negeri. Kementerian ini akan meneliti semula sekiranya projek ini dimohon untuk Rolling Plan RMKe-12 yang akan datang dan memenuhi keperluan teknikal untuk dibina. Kelulusan projek adalah bergantung kepada Agensi Pusat berdasarkan keutamaan dan kedudukan kewangan Kerajaan.

Manakala bagi projek membina jalan baharu dari Felda Bukit Jalor ke Pekan Gemas adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

Sekian, terima kasih.